

15 JUL 2000

Khalil-Penerangan

PERDANA MENTERI AKAN PERJELASKAN KEJADIAN DI GRIK MENERUSI TELEVISYEN

KUANTAN, 15 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memberi penjelasan mengenai kejadian pencerobohan di dua kem tentera di Gerik, Perak oleh kumpulan persilatan kebatinan al-Ma'unah awal bulan ini dalam satu rancangan khas menerusi televisyen.

Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob berkata kementerian sedang membuat persediaan bagi menyiarkan siri soal jawab itu untuk tontonan umum dalam masa terdekat.

"Dalam rancangan itu, Perdana Menteri akan memberikan beberapa indication tentang pendapat kerajaan (mengenai kejadian itu)," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Pahang di sini hari ini.

Beliau berkata di samping itu, Kementerian Penerangan turut menyusun beberapa siri penjelasan yang akan dibuat menurut perspektif agama bagi memberikan penjelasan kepada orang ramai.

"Kita tidak mahu merahsiakan perkara-perkara yang patut diperjelaskan kepada orang ramai," katanya.

Pada 2 Julai lepas, sekumpulan 15 anggota kumpulan al-Ma'unah menceroboh dua kem tentera di Gerik, Perak dan merompak pelbagai jenis senjata sebelum menyembunyikan diri bersama 13 lagi anggota kumpulan itu di Bukit Jenalek, Sauk, dekat Gerik.

Khalil yang juga Setiausaha Agung Umno berkata Badan Perhubungan Umno dari setiap negeri menghantar 14 wakil untuk mendengar penjelasan daripada beberapa pihak tentang pertubuhan al-Ma'unah itu dalam majlis khas yang diadakan di Kuala Lumpur esok.

Katanya, ia merupakan penjelasan awal yang penting kerana sekiranya dibiarkan terlalu lama tanpa penjelasan, dikhuatiri timbul unsur-unsur baru yang akan mempengaruhi keadaan.

Mengenai Umno Pahang, Khalil selaku Pengerusi Badan Perhubungan Negeri berkata persetujuan dicapai pada mesyuarat berkenaan untuk mengadakan beberapa kajian berkaitan dengan selok-belok pemilihan calon, umpamanya dalam pilihan raya.

"Kita juga memikirkan inovasi baru dari segi pengendalian kempen dan turut bersetuju mengadakan konvensyen atau simposium yang mengumpulkan kesemua anggota Umno dari seluruh negara sekurang-kurangnya setahun sekali," kata beliau lagi.

Beliau berkata kesemua anggota Badan Perhubungan Umno yang menghadiri mesyuarat itu juga mengukuhkan semangat selaku pemimpin Umno di peringkat negeri.

Merujuk kepada pelantikan semula beliau sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang manakala Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob selaku Timbalan Pengerusi, Khalil berkata beliau berterima kasih kepada Adnan kerana kesanggupannya untuk memastikan parti kuat dan membantu parti dari segi pentadbiran.

"Sebenarnya, ini satu sumbangan yang besar. Saya juga akan memberikan segala sumbangan kepada Menteri Besar kerana beliau merupakan salah seorang pemimpin kanan kita di negeri dan Badan Perhubungan Umno Negeri memberikan segala keyakinan kepada beliau," katanya.

Adnan, yang turut hadir berkata selaku Timbalan Pengerusi, beliau menjanjikan sokongan, bantuan dan dokongan kepada Khalil yang mana sentimen itu turut dikongsi oleh semua anggota jawatankuasa Badan Perhubungan Umno Negeri yang lain.

"Saya perhatikan ada satu cetusan semangat yang kental untuk memperkuat Umno dari masa ke semasa dan hubungan ini akan terus dikekalkan," kata beliau.

-- BERNAMA

ROS FAZ